

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 1 APRIL 2014

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [Parit] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) jumlah pekerja Bumiputra yang telah diambil bekerja oleh syarikat kaum Cina di negara ini mengikut tahun semenjak tahun 2008 hingga sekarang; dan
- (b) untuk menambah penyertaan pekerja kaum Bumiputra dalam syarikat-syarikat kaum Cina, apakah langkah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai maksud ini.

PR-1321-L59219

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai data jumlah pekerja Bumiputra yang telah diambil bekerja oleh syarikat kaum Cina di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta mengamalkan sikap keterbukaan dalam pengambilan pekerja. Pengambilan pekerja bagi sektor swasta harus dibuat berdasarkan kepada tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman seseorang tanpa prejedis. Ini adalah sejajar dengan konsep 1 Malaysia yang didukung oleh kerajaan. Selain daripada itu, pihak swasta juga harus memainkan tanggungjawab sosial korporat mereka (Corporate Social Responsibility) melalui pengambilan pekerja tanpa mengira kaum.
3. Pada dasarnya, soal pengambilan pekerja adalah ditentukan oleh majikan mengikut keperluan syarikat mereka. Pihak majikan berhak untuk menentukan syarat-syarat pengambilan pekerja untuk mengoptimumkan pengeluaran dan perkhidmatan mereka untuk mengekalkan daya saing syarikat dalam pasaran mahupun di peringkat global. Namun demikian, kerajaan memainkan peranan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memastikan pekerja-pekerja dilayan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum dengan membuat pemantauan ke atas majikan-majikan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN : 24

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci tindakan pihak Kerajaan terhadap Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) mengenai aduan seorang penumpang yang menjumpai pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan kepadanya di dalam penerbangan MAS pada 6 Januari yang menjelaskan imej negara khususnya ketika Tahun Melawat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut MAS, insiden berhubung pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan berlaku pada 6 Januari 2014 bagi pesawat MH 2608 bagi laluan Kuala Lumpur-Labuan.

Pihak MAS telah membuat siasatan syarikat caterer dan audit terhadap kualiti makanan telah dilaksanakan. Pihak MAS telah memberi amaran keras pihak caterer untuk tidak mengulangi kesilapan tersebut di masa hadapan.

Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan amaran keras kepada pihak MAS untuk memastikan insiden berhubung pembalut penutup luka di dalam nasi lemak yang dihidangkan di dalam penerbangan MAS tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Kes ini merupakan kes terpencil dan jarang berlaku bagi penerbangan MAS sebelum ini.